



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA SETIAWANGSA MERAIKAN KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SHWP 2016

KUALA LUMPUR, 28 Februari 2016 – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Setiawangsa yang diadakan di Anjung Bestari AU3, Keramat Wangsa, KL dihadiri kira-kira 2500 orang warga kota, Kuala Lumpur. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di kawasan sekitar Setiawangsa, Kuala Lumpur selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong kebersihan dan sesi memasak secara beramai-ramai. Selain itu, menerusi kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkuuhkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga kota bagi menjamin keharmonian.

3. Bersemepena dengan program Kenduri 1Wilayah Persekutuan turut diadakan aktiviti Gotong-Royong Kebersihan dan Cegah Denggi bersama komuniti Setiawangsa. Ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes dan merupakan salah satu daripada pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam mengabungkan program-program yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan terutama diperingkat Kementerian dengan program-program yang dilaksanakan oleh NGO dan badan-badan korporat.

4. Pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti gotong-royong kebersihan, sukaneka, senamrobik, gerai pameran oleh agensi kerajaan dan juga badan korporat, persembahan kebudayaan, cabutan bertuah dan juga gotong-royong memasak juadah kenduri oleh warga Setiawangsa. Melalui konsep gotong-royong yang diterapkan dalam program Kenduri 1WP ini, warga Wilayah Persekutuan berpeluang untuk merasai kemeriahinan suasana kenduri sambil menjamu selera dengan juadah yang dimasak sendiri secara beramai-ramai. Malahan konsep gotong-royong ini juga dapat memeriahkan dan menceriakan lagi warga kota pelbagai peringkat umur. Dengan amalan ini, ianya bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat.
5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan pelbagai peringkat dan latar belakang dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat yang sejahtera dan ceria. Program sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
28 Februari 2016